

Tatatertib Desasiswa

Bahagain A

SALAH LAKU DAN DISIPLIN BERKAITAN PENGINAPAN

BIL	KESALAHAN	DENDA/TINDAKAN
1.	a) Pelajar menetap yang membenarkan jantina lain memasuki biliknya atau berada di koridor. b) Berkhalwat termasuk berdua-duaan.	Diserah ke Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar.
2.	Seseorang pelajar menghalang/menahan seseorang pegawai, pekerja atau mana-mana pihak yang telah diberi kebenaran oleh universiti daripada memasuki bilik pelajar kerana menjalankan tugas.	RM 50.00
3.	Seseorang pelajar menetap berada di luar kawasan desasiswa antara jam 12.00 tengah malam sehingga 5.00 pagi.	RM 50.00
4.	a) Seseorang pelajar bukan menetap berada di dalam kampus antara jam 12.00 tengah malam sehingga 5.00 pagi. b) Menginap tanpa kebenaran (squatting) antara jam 12.00 tengah malam sehingga 5.00 pagi. c) Pelajar yang membenarkan orang lain menginap tanpa kebenaran (squatting).	RM 50.00
5.	a) Mengotor/mencacatkan sebarang kelengkapan desasiswa. b) Mengacau, mengganggu atau menyebabkan kesusahan kepada orang lain dalam menggunakan kemudahan-kemudahan di desasiswa. c) Merosak atau menghilangkan harta benda desasiswa/universiti.	Membayar gantirugi berdasarkan kos kerosakan.
6.	a) Bertukar desasiswa tanpa kebenaran. } b) Bertukar bilik tanpa kebenaran. } c) Menyewakan bilik kepada orang lain. } d) Pelajar yang menyewa bilik (c). }	Denda RM 50.00 dan kembali ke desasiswa/ke bilik asal. Membayar kadar sewa harian sepanjang tempoh sewaan.
7.	a) Tidak mengosongkan atau berpindah dari biliknya dan tidak memulangkan kunci dalam tempoh yang ditetapkan universiti. b) Tidak mengosongkan bilik apabila tamat tempoh penginapan.	Membayar gantirugi sewa harian berdasarkan jumlah hari yang berkenaan.
8.	a) Membawa makanan yang tidak tahan	Denda RM 50.00

	<p>lama/makanan yang tidak dibenarkan /diharamkan.</p> <p>b) Menyimpan atau meminum minuman keras di dalam bilik/kawasan desasiswa.</p> <p>c) Memiliki atau mengedar dadah.</p> <p>d) Memiliki gambar lucah, bacaan yang diharamkan atau audio visual yang diharamkan.</p> <p>e) Memiliki atau menggunakan bahan-bahan kimia atau ubat-ubatan yang membahayakan.</p>	Serahkan kepada Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar.
9.	Memelihara binatang di dalam kawasan desasiswa.	Denda RM 50.00
10.	Melakukan perbuatan yang membahayakan seperti memanjat bumbung/tebing tingkap.	Denda RM 50.00
11.	Tidak memadamkan lampu/kipas angin semasa meninggalkan bilik.	Denda RM 50.00
12.	Tidak menggunakan cadar/sarung bantal pada setiap masa atau menggunakan cadar/sarung cadar yang kotor.	Denda RM 50.00
13.	Bermain judi/permainan yang ada unsur pertaruhan.	Seraj kepada Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar.
14.	Melakukan amalan pemujaan di dalam bilik.	Nasihat atau serah kepada Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar.
15.	Melonco (pada minggu suai kenal) atau melakukan penderaan fizikal dan mental pada bila-bila masa.	Serah kepada Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar.
16.	Memberi maklumat palsu tentang diri sendiri atau gagal memberi maklumat yang diminta oleh Peggawa atau wakilnya.	Denda RM 50.00
17.	Memiliki atau menerbit bahan bercetak yang tidak dibenarkan oleh undang-undang atau menimbulkan pemusuhan kaum.	Serah kepada Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar.
18.	Mencuri/melakukan peras ugut/melakukan gangguan seksual.	Serah kepada Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar.
19.	Mencederakan orang lain tanpa sebab munasabah.	Serah kepada Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar.
20.	Bergaduh, bertumbuk atau menganggotai kumpulan haram.	Serah kepada Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar.
21.	Gagal atau enggan memberi maklumat berkenaan sesuatu perbuatan jenayah atau terlibat dalam sebarang kegiatan jenayah.	Serah kepada Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar.
22.	Mengendap atau berkelakuan mencurigai di	Serah kepada Bahagian Hal

	kawasan jantina lain.	Ehwal dan Pembangunan Pelajar.
23.	a) Meletak kenderaan di dalam bangunan atau di tempat yang tidak dibenarkan atau menghalang laluan. b) Menggunakan kenderaan dengan tidak mematuhi peraturan Akta Kenderaan Jalan Raya 1987.	Denda RM 50.00
24.	Memainkan alat muzik/membuat bising selepas jam 12.00 tengah malam hingga 6.00 pagi dan mengganggu kenteterama.	Denda RM 50.00
25.	Mengadakan aktiviti sosial dalam blok tanpa kebenaran.	Denda RM 50.00
26.	a) Memasak di dalam bilik atau mana-mana tempat di desasiswa. b) Penggunaan 'nyalaan api' (naked flame) di dalam bangunan. c) Membuat ujian dengan menggunakan bahan kimia merbahaya atau mudah terbakar di dalam bilik atau desasiswa.	Denda RM 50.00
27.	Tidak mengemas atau membersihkan bilik.	Denda RM 50.00
28.	Merokok di kawasan desasiswa.	Denda RM 50.00 dan diserahkan kepada klinik anti merokok.
29.	Melanggar apa-apa arahan atau kehendak yang sah yang diberikan atau dibuat oleh mana-mana pegawai atau pekerja Universiti yang diberi kuasa untuk memberi atau membuat arahan atau kehendak di dalam kampus.	Nasihat/amaran/denda RM 50.00

Bahagian B

PEMILIKAN DAN PENGGUNAAN BARANGAN TERLARANG

BIL	KESALAHAN	DENDA/TINDAKAN
1.	Memiliki kunci pendua atau memiliki kunci pihak lain tanpa sebab yang munasabah.	Denda RM 50.00
2.	Memiliki/menggunakan alat elektrik yang tidak dibenarkan oleh pihak desasiswa seperti alat pemanas air,peti sejuk,periuk nasi,televisyen,mesin jahit dan sebagainya.	Denda RM 50.00
3.	Memiliki alat-alat seperti senjata atau alat yang merbahaya seperti buluh runcing, rantai basikal, rantai motosikal, serpihan besi, parang, golok dan sebagainya yang boleh membahayakan orang lain.	Serah kepada Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar.

Catatan: Bagi setiap kesalahan kedua yang dilakukan, kes akan diserahkan ke Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP) untuk tindakan selanjutnya.

PERATURAN TAMBAHAN

1. Menampal Kenyataan
Sebarang kenyataan hanya boleh ditampal pada papan kenyataan yang disediakan sahaja setelah disahkan oleh Pejabat Desasiswa.
2. Kekemasan dan Kebersihan Bilik
Setiap penghuni bertanggungjawab terhadap kebersihan bilik masing-masing setiap masa.

Semua peralatan (seperti lampu,kipas, cermin tingkap) dan perabot (seperti almari, katil, meja, laci) di dalam bilik mestilah sentiasa bersih dan berkeadaan baik. Setiap bilik akan dibekalkan dengan bakul sampah, penyodok dan penyapu. Pastikan semuanya diletak di dalam bilik dan sampah tidak disapu keluar ke koridor.

Pastikan sampah dibuang ke dalam tong sampah besar yang disediakan di setiap bilik mandi/tandas sebelum jam 8.30 pagi setiap hari.

3. Kasut/Selipar di Koridor
Bagi memastikan koridor bersih dan memudahkan laluan semasa kecemasan, pelajar diminta menyusun kasut/selipar di atas rak kasut yang disediakan di luar bilik masing-masing. Kasut/selipar yang tidak disusun pada rak kasut/bersepah, akan dirampas tanpa sebarang notis.

4. Peraturan Berpakaian
Semua penghuni diingatkan supaya mematuhi cara berpakaian yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti.
5. Peraturan Meletak Kenderaan Berpelekat USM
Penghuni diminta meletak kenderaan masing-masing secara teratur dan mengikut peraturan lalulintas. Sebarang kenderaan yang diletak tidak mengikut peraturan akan diambil tindakan. Kebenaran membawa kenderaan dan pelekat USM perlu dimohon dari Jabatan Keselamatan USM.
6. Penjimatan Tenaga Elektrik
Penghuni dinasihatkan supaya berjimat menggunakan tenaga elektrik. Pastikan suis kipas angin dan lampu dipadamkan apabila tidak digunakan atau bila keluar dari bilik. Lampu utama bilik hanya dibenarkan sehingga jam 12.00 tengah malam sahaja. Selepas jam 12.00 tengah malam, lampu utama bilik hendaklah dipadamkan dan sesiapa yang hendak menggunakan lampu, hanya lampu meja dibenarkan.
7. Penggunaan seterika dan cerek
Sekiranya didapati kerosakan seterika/cerek disebabkan kecuaiian penghuni secara sengaja atau tidak sengaja, bayaran pembaikan akan dikenakan ke atas penghuni tersebut atau kesemua penghuni di tingkat berkenaan.
8. Menyidai pakaian
Pastikan pakaian disidai di ampaiian yang telah disediakan. Pakaian yang disidai di tempat-tempat lain akan dirampas. Pakaian dan barangan lain yang digantung di luar tingkap bilik akan didenda.

Denda : RM 50.00
9. Jualan Makanan, Rokok dan Lain-lain
Sebarang aktiviti penjualan makanan, rokok,CD dan lain-lain di dalam bangunan asrama adalah tidak dibenarkan sama sekali.
10. Tuala Wanita (Sanitary Napkins)
Pastikan tuala wanita di buang ke dalam ' Sanitary Bin' yang disediakan. Membuangnya ke dalam mangkuk tandas akan menyebabkan tandas serta manhole tersumbat dan mengganggu keselesaan penghuni sendiri. Sekiranya ini berlaku, denda dengan kadar tertentu akan dikenakan pada setiap penghuni cluster tersebut.
11. Sampah Sarap dan Sisa Makanan
Pastikan sampah sarap dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan. Sisa makanan diikat di dalam plastik dan bahan kaca dibungkus dengan kertas sebelum dibuang ke dalam tong sampah. Pastikan tong sampah ditutup rapat untuk mengelakkan dari dipungah kucing atau anjing.

12. Kunci Bilik

Pastikan anda mengunci bilik dan membawa bersama kunci anda apabila keluar dari bilik. Denda akan dikenakan ke atas penghuni yang meminjam kunci dari Pejabat Desasiswa.

Denda: RM 3.00 pada waktu pejabat
RM 5.00 selepas waktu pejabat

13. Kehilangan kunci bilik

Penghuni yang menghilangkan kunci bilik akan dikenakan denda RM 7.00 untuk setiap anak kunci dan RM 1.00 untuk tag kunci. Kehilangan kunci perlu dilaporkan kepada Pejabat Desasiswa.

14. Langsir

Pastikan ia tidak terkeluar dari tingkap atau digulung/disimpul atau seumpamanya. Penghuni juga dilarang menanggalkan dan membawa keluar langsir dari bilik masing-masing bagi tujuan yang lain. Gantirugi akan dikenakan sekiranya diapati langsir hilang.

15. Stor di Blok Asrama

Stor akan hanya dibuka pada waktu-waktu tertentu sahaja mengikut edaran dari semasa ke semasa. Pihak desasiswa tidak bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan dan kehilangan semasa penyimpanan. Kemudahan stor akan disediakan mengikut budibicara pihak Desasiswa. Permohonan untuk membuka stor semasa cuti tidak dilayan.

Denda: RM 10.00 sekali dibuka

16. Larangan Merokok

Kampus USM diwartakan sebagai kawasan larangan merokok. Oleh itu pelajar tidak dibenarkan merokok di mana-mana tempat di dalam kawasan kampus termasuk di kawasan asrama (iaitu di dalam blok, bilik, kantin dan sekitar kawasan desasiswa). Tindakan boleh diambil sekiranya didapati pelajar melanggar peraturan.

Denda: RM 50.00

17. Kad Penghuni Di Pintu Bilik

Setiap pelajar perlu mempamerkan kad penghuni yang lengkap dengan gambar, butiran diri dan dicop oleh pejabat desasiswa di pintu bilik masing-masing. Kegagalan mempamer kad ini akan dikenakan denda.

18. Menampal poster dan gambar

Dilarang menampal dan melekat sebarang gambar/poster yang tidak sesuai (artis dan lain-lain).

Denda: RM 20.00

Peringatan: Penggawa Desasiwa berhak mengenakan kompaun/denda selain daripada perkara di atas yang bercanggah dengan peraturan